



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 JUN 2021 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 JUN 2021 (ISNIN)

Jualan alat tulis di pasar raya wajar dibenarkan

Kementerian sudah kemuka permohonan untuk keperluan PdPR

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Seksyen jualan alat tulis di pasar raya dan premis seumpamanya yang menyokong keperluan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) wajar dibuka dalam tempoh sekatan pergerakan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pihaknya sudah mengemukakan permohonan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung isu itu.

Katanya, kementerian sedar dengan rungutan guru dan ibu bapa yang berdepan kesukaran mendapatkan kelengkapan serta keperluan alat tulis untuk digunakan dalam sesi PdPR sepanjang PKP 3.0.

"Isu ini saya suarakan dan semalam (kelmarin) Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyuarakan perkara sama kerana ada keperluan bagi sesi PdPR ini.

"Kita yakin MKN akan mempertimbangkan permohonan ini," katanya ketika ditemui selepas meninjau sekatan jalan raya (SJR) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tajin, di sini, semalam.

Beliau berkata, KPDNHEP turut memantau keberadaan barang atau isu membabitkan kepenggunaan bagi menjamin keperluan dan kepentingan pengguna.



Rosol menyampaikan sumbangan kepada petugas keselamatan ketika meninjau sekatan jalan raya di Kampung Tajin, Kuala Berang, semalam. (Foto Zatul Iffah Zolkifly/BH)

Mengenai sebuah restoran yang dikompaun di Selangor, Rosol berkata, penguat kuasa KPD-NHEP mengambil tindakan kerana pemilik premis tidak memohon kebenaran beroperasi daripada Sistem Pengurusan Pinjar COVID-19 (CIMS) 3.0 yang ditadbir Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Semakan mendapati mereka tidak memohon CIMS di bawah MITI.

"Memang berlaku sedikit kesesakan (permohonan) di MITI dan KPDNHEP memberi masa dua hingga tiga hari untuk me-

reka beroperasi tanpa kelulusan dengan syarat ada membuat permohonan.

Sementara itu, Rosol berkata, 473 kompaun bernilai RM2.94 juta dikeluarkan kementerian terhadap premis, peniaga dan individu kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) PKP 3.0.

Katanya, semua 473 kompaun itu dikeluarkan hasil daripada lebih 600,000 pemeriksaan terhadap premis, peniaga dan individu yang direkodkan bermula Mei tahun lalu hingga kelmarin.

Beliau berkata, antara kes-

lahan itu gagal mengamalkan penjarakan fizikal, tidak mendaftar masuk melalui aplikasi MySejahtera, tidak menulis rekod kemasukan di buku log, gagal melaksanakan had maksimum kemasukan pelanggan dan gagal mematuhi waktu operasi.

"Semua kompaun itu dikeluaran mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Kita bukan sewenang-wenangnya menyaman atau mengeluarkan kompaun, kita beri didikan dan nasihat dulu tetapi jika mereka degil, tindakan kompaun akan diaambil," katanya.

Kedai fotokopi, alat tulis dipertimbang untuk beroperasi

HULU TERENGGANU – Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk memberikan kedai fotokopi dan alat tulis kembali beroperasi pada tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh ketika ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kementeriannya telah menyuarakan permohonan tersebut kepada Majlis Ke selamatan Negara (MKN) pada Jumaat lalu.

“Saya difahamkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga telah mengemukakan permohonan

“Kita sedar rungutan ramai ibu bapa tentang penutupan kedai alat tulis dan fotokopi sedangkan ia amat perlu untuk menjalani proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), katanya selepas menyantuni anggota keselamatan yang bertugas di sekitar jalan raya (SJR) Kampong Tajim di sini semalam.

Rosol berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) secara dasarnya bersetuju dengan pembukaan semula kedai alat tulis dan fotokopi ini.

Justeru, beliau berkeyakinan permohonan pembukaan semula premis berkenaan akan diputuskan MKN dalam masa terdekat. Sebelum ini, kedai alat tulis dan fotokopi ditutup sepanjang tempoh pelaksanaan PKP Penuh mulai 1 Jun lalu selepas tidak tersenarai di dalam sektor perniagaan penting yang dibenarkan beroperasi.

Bagaimanapun, ia telah menimbulkan rungutan dalam kalangan ibu bapa yang tidak dapat membeli alat tulis dan membuat salinan kerja sekolah bagi anak-anak yang mengikuti PdPR di rumah.



PEMBUKAAN semula kedai alat tulis penting bagi keperluan ibu bapa dalam menyediakan peralatan pembelajaran anak-anak di rumah.

KPDNHEP kesan 473 kesalahan langgar SOP libatkan premis perniagaan seluruh negara

Kompaun peniaga cecah RM2.94 juta

Oleh MOHD. AZLI ADLAN



HULU TERENGGANU – Sebanyak 473 kompaun melibatkan nilai RM2.94 juta dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) atas pelbagai kesalan pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) melibatkan premis dan perniagaan sejak Mei tahun lalu hingga kelmanar.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, kompaun itu dikeluarkan hasil daripada lebih 600,000 pemeriksaan yang dilakukan di seluruh negara.

Beliau berkata, antara kesalan yang dilakukan ialah tidak mematuhi penjajaran fizikal, tidak mengimbas MySejahtera, tidak menuilis rekod kemasukan pelanggan di buku log dan menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan.

“Kesalahan lain ialah gagal melaksanakan had maksimum kemasukan pelanggan, tidak mematuhi waktu operasi dan tidak

memakai pelitup muka.

“Saya ingin tekanan bahawa mengeluarkan kompaun bukanlah keutamaan KPDNHEP. Ia tidak terakhir selepas advokasi yang diberikan terlebih dahulu tidak dipatuhi,” katanya di sini semalam.

Beliau sebelum itu ditemui selepas menyantuni petugas bairan hadapan yang mengawal sekitan jalan raya (SJR) di Kampung Tajin di sini.

Rosol berkata, secara dasarnya rata-rata peniaga di negara



KPDNHEP sentiasa mengambil pendekatan berhemah dan hanya akan mengeluarkan kompaun kepada peniaga atau premis yang masih berdegil dengan melanggar SOP yang ditetapkan kerajaan. – GAMBAR HIASAN

“Sebolehnya kita tidak mahu mengeluarkan kompaun kerana faham kebanyakkan rakyat terkecuali-kali dinasihatkan.

“Mahu tidak mahu, kita terpaksa mengeluarkan kompaun kepada segelintir (peniaga) yang masih degil ini.

berdegil dan culas mematuhi SOP teroblit walaupun telah berkali-kali dinauhatkan.

“Mahu tidak mahu, kita terpaksa mengeluarkan kompaun kepada segelintir (peniaga) yang masih degil ini.

ini amat mematuhi SOP norma baharu yang ditetapkan dengan kadar pematuhan mencapai 98 peratus.

Bagaimanapun, beliau mengakui masih terdapat dua peratus golongan tersebut yang

KPDNHEP tingkat kerjasama di sempadan

Pasir Gudang: Usaha membanteras penyehudupan keluar dan menyorok minyak masak bersubsidi, khususnya di sempadan Malaysia-Thailand akan ditingkatkan dengan kerjasama pelbagai agensi pengawalkuasaan.

Kerua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad, berkata langkah itu sekali gus dapat mengelakkan penyalahgunaan minyak masak bersubsidi dan memastikan bekalan bahan itu mencukupi di seluruh negara.

Katanya, ketika ini kerajaan memperuntukkan 60,000 tan minyak masak subsidi setiap bulan atau bersamaan 720,000 tan setahun yang mencukupi untuk keperluan 32 juta penduduk negara ini.

"Kita sentiasa membuat tangkapan dan rampasan minyak masak bersubsidi yang dilewng. Ada yang dibeli di kedai kerumitan dikurniakan dan dihan-

Hasnol berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi pengawalkuasaan di sempadan, termasuk tentera bagi mendapat maklumat.

Katanya, itu membuktikan kejayaan apabila KPDNHEP Kelantan merampas 9,350 kilogram minyak masak peket yang cuba diselundup ke Thailand pada 5 Jun lalu.

“Ini antara cabaran dalam menguruskan minyak masak bersubsidi kerana harga minyak masak di negara jiran lebih tinggi berbanding harga subsidi yang kita tawarkan kepada rakyat.

"Di bawah skim minyak masak bersubsidi, kerajaan melantik 300 pihak yang aktif untuk membungkus minyak masak peket satu kilogram di seluruh negara.

"Jumlah ini mencukupi kerana setiap rakyat di negara ini mendapat peruntukan minyak masak bersubsidi kira-kira dua kilogram setiap orang," katanya.

卷之三



Haisnol (dua dari kanan) ketika melawat kilang PGEO Edible Oils Sdn Bhd di Pasir Gudang, semalam. (Foto BERNAMA)

mata pihak berkuasa, seolah
olah ia bukan bersubsidi,” ka-
tanya selepas melakukan lawa-
tan ke kilang PGEQ Edible Oils
Sdn Bhd di sini. semalam.

"Jumlah ini mencukupi kera na setiap rakyat di negara ini mendapat peruntukan minyak masak bersubsidi kirakira dua kilogram setiap orang," katanya.

卷之三

Tingkat kerjasama atasi penyeludupan minyak masak

Pasir Gudang: Usaha membanteras penyeludupan keluar dan menyorok minyak masak bersubsidi khususnya di sempadan Malaysia-Thailand akan ditingkat dengan kerjasama pelbagai agensi pengawas.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, langkah itu, sekali gus dapat mengelak penyalahgunaan minyak masak bersubsidi dan memastikan bekalan bahan itu mencukupi di seluruh negara.

Katanya, ketika ini kerajaan memperuntukkan 60,000 metrik tan minyak masak subsidi setiap bulan atau bersamaan 720,000 tan setahun yang mencukupi

untuk keperluan 32 juta penduduk negara ini. "Kita sentiasa buat tangkapan dan rampasan minyak masak bersubsidi yang diseleweng. Ada yang dibeli di kedai kemudian dikumpul dan dihantar ke negara jiran.

"Ada juga minyak masak bersubsidi dibungkus semula dalam bekas lebih besar seperti tin untuk mengaburi mata pihak berkuasa seolah-olah ia bukan bersubsidi," katanya selepas membuat lawatan ke kilang PGEO Edible Oils Sdn Bhd di simi semalam.

Namun jelas Hasnol, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi pengawasuan di sempadan



HASNOL Zam Zam (dua dari kanan) melihat proses pembungkusan minyak masak, semalam.

Katanya, kerjasama itu membuktikan apabila KPDNHEP Kelantan merampas 9,350 kilogram minyak masak peket yang cuba diseludup ke Thailand pada 5 Jun lalu.

"Ini antara cabaran dalam mengaruskam minyak masak bersubsidi kerana harga minyak masak di negara jiran lebih tinggi daripada harga subsidi yang kita tarikkan kepada rakyat.

"Di bawah skim minyak masak bersubsidi, kerajaan melantik 300 pihak yang aktif untuk membungkus minyak masak peket satu kilogram di seluruh negara."

Pantau minyak masak diseludup

KPDNHEP tingkat penguatkuasaan elak diseludup keluar negara

Oleh FARAH SHAZWANI

PASIR GUDANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meningkatkan pengawal kuasaan bagi membanteras kegiatan menyorok dan membawa keluar minyak masak subsidi ke luar negara, khususnya sembilan Thailand.

Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, selain mengelakkan penyalahtgunaan minyak masak bersubsidi, ia bagi memastikan bekalananya mencukupi di seluruh negara.

Menurut beliau, buat masa ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 60,000 metrik tan minyak masak subsidi setiap bulan atau 720,000 tan setahun yang mencukupi untuk nisbah keperluan 32 juta penduduk negara ini.



Hasnol (dua dari kiri) memeriksa minyak masak subsidi yang sudah dibungkus sejak itu membuat lawatan ke kilang PGEO Edible Oils Sdn Bhd di Pasir Gudang, Johor Bahru pada Ahad.

aktif untuk membungkus minyak masak peket satu kilogram di seluruh negara. Jumlah itu katanya, mencukupi kerana setiap rakyat di negara ini mendapat peruntukan minyak masak bersubsidi kira-kira dua kilogram setiap orang.

“Jadi, kita menjangkakan ia cukup cuman cabarannya adalah mungkin pengedar atau ada pengguna yang membeli lebih daripada yang sepatutnya.

“Sebab itu, kebelakangan ini kita telah menghadkan supaya penjualan minyak masak peket ini dihadkan kepada tiga atau di setengah tempat dua peket,” ujarnya.

Sementara itu, beliau menegaskan tidak timbul persoalan bahawa minyak masak bersubsidi dalam kemasan polibeg satu kilogram kualitinya rendah seperti minyak kitar semula.

Jelasnya, hasil pemantauan yang dibuat KPDNHEP, pembungkusan minyak masak dari kilang adalah dari sumber tangki dan corong yang sama, sebelum dimasukkan ke dalam botol dan plastik.

“Jenama yang dicetak di atas polibeg itu juga hanyalah bertujuan pengecaman jika terdapat penyelewengan dari kilang. Tiada promosi dan kos pemasaran yang terlibat bagi minyak masak bersubsidi ini,” ujarnya.

merampas 9,350 kilogram minyak masak paket yang cuba diseludup ke Thailand pada 5 Jun lalu.

“Ini antara cabaran dalam menguruskan minyak masak bersubsidi kerana harga minyak masak di negara jiran lebih tinggi daripada harga subsidi yang kita tawarkan kepada rakyat ataupun minyak proses untuk pasaran negara,” katanya selepas membuat lawatan ke kilang PGEO Edible Oils Sdn Bhd di sini pada Ahad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, di bawah skim minyak masak bersubsidi, kerajaan telah melantik 300 repackeryang

“Dari masa ke masa, kita membuat tangkap dan rampasan minyak masak ini yang dibeli di kedai, kemudian dikumpul dan dihantar ke negara jiran ataupun dibuka semula dan dimasukkan dalam bekas yang lebih besar seperti dalam tin dan sebagainya untuk mengaburi mata pihak berkuasa, seolah-olah minyak itu bukan subsidi.

“Kita dapat maklumat daripada unit-unit perisikan dan bekerjasama dengan pelbagai agensi pengawal kuasaan di sembilan termasuk tentera dan sebagainya.

“Terbaru, KPDNHEP Kelantan telah

Cubaan tiga lelaki seludup 450 liter petrol gagal

Tumpat: Terkejut dengan kehadiran pihak berkuasa, tiga lelaki yang dipercayai penyeludup dan disyaki ingin membawa keluar sejumlah minyak petrol ke Thailand, bertindak melarikan diri ke dalam semak.

Dalam serbuan di Pangkalan Haram Dock, Pengkalan Kubor, jam 11.30 malam kelmarin, sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 450 liter minyak petrol yang tidak sempat diseludup keluar.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi Juri, berkata pihaknya menjalankan Op Bersepadu bersama Pasukan Polis Marin (PPM) dan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) di sekitar Pengkalan Kubor dalam usaha membanteras penyelewengan barang kawalan.

Katanya, ketika rondaan dan pemantauan dijalankan, pihaknya mendapat maklumat ada aktiviti penyeludupan di kawasan Pangkalan Haram Dock dan berjaya mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan berada di tebing sungai.

"Kehilatan tiga lelaki berada di lokasi dan sebaik menyedari kehadiran kami, mereka segera melarikan diri ke semak berhampiran."

"Hasil pemeriksaan dalam kereta itu, kami menemui 18 tong diisi minyak petrol dengan anggaran 450 liter di tempat duduk penumpang," katanya menerusi kenyataan semalam.

Azanizam berkata, semua suspek dipercayai sedang menunggu individu lain yang datang menaiki bot sebelum barang kawalan itu diangkut keluar ke Thailand menerusi Sungai Golok.

Beliau percaya aktiviti itu sudah kerap dilakukan menggunakan kenderaan terbabit memandangkan dalaman kereta dengan pendaftaran tempatan itu sudah diubah suai bagi membawa lebih muatan.

Hasil pemeriksaan dalam kereta itu, kami menemui 18 tong diisi minyak petrol dengan anggaran 450 liter di tempat duduk penumpang

Azanizam Affendi Juri,
Ketua Pegawai
Penguat Kuasa
KPDNHEP Kelantan

